



# KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,  
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562

No. Fax : 03-8882 5569

## KPDN SARAWAK GIAT MEMPERKASA INISIATIF KITA GEMPUR

**KUCHING, 22 NOVEMBER 2024** – Hari ini saya bersama Pegawai Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Negeri Sarawak telah menjalankan pemeriksaan di pasar raya dan premis terpilih sekitar Kuching bagi memperkasakan penguatkuasaan di bawah inisiatif KITA GEMPUR.

Pemeriksaan penguatkuasaan inisiatif KITA GEMPUR adalah langkah kerajaan untuk membina gerakan massa dalam menangani isu ketirisan barang kawalan. Inisiatif ini selaras dengan Gerakan Membanteras Manipulasi dan Ketirisan (GEMPUR) yang dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 19 Oktober 2024 di Kota Kinabalu, Sabah. Inisiatif KITA GEMPUR menyasarkan kepada kebersamaan pelbagai pemegang taruh meliputi agensi Kerajaan (K), pemain industri (I), pematuhan Tatakelola (T) dan partisipasi Awam (A).

Pemeriksaan KITA GEMPUR ini dijalankan bagi memastikan aktiviti penguatkuasaan di bawah OPS TIRIS 3.0, *Omnipresence* dan aktiviti penguatkuasaan yang lain melibatkan aduan orang awam diambil tindakan segera. Aktiviti ketirisan akan dapat ditangani dengan lebih cekap dan berkesan serta tindakan tegas diambil terhadap peniaga yang gagal mematuhi perundangan yang dikuatkuasakan oleh KPDN.

Pemeriksaan hari ini memfokuskan kepada bekalan barang kawalan dan barang keperluan melibatkan gula pasir putih bertapis 1kg, minyak masak paket 1kg dan telur ayam gred A, B dan C dalam kemasan papan sentiasa ada bagi memastikan bekalan barangan mudah diperolehi dan sampai kepada pengguna.

Kepentingan penandaan harga yang jelas dan penggunaan alat timbang yang ditentukan boleh mengelakkan kekeliruan dan penipuan terhadap pengguna. Pelanggaran kedua-dua perkara tersebut boleh diambil tindakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dan Akta Timbang dan Sukat 1972.

### **STATISTIK KITA GEMPUR**

Berdasarkan statistik penguatkuasaan di bawah OPS TIRIS 3.0 yang melibatkan ketirisan diesel dan lain-lain komoditi seperti petrol, LPG, minyak masak, gula pasir kasar dan tepung gandum yang bermula 1 Januari 2024 hingga 20 November 2024, sebanyak 38,965 pemeriksaan telah dijalankan di seluruh negara dan sejumlah 2511 kes telah dihasilkan dengan jumlah nilai rampasan keseluruhan sebanyak RM86.93 juta. Manakala, pelaksanaan OPS TIRIS 3.0 di Negeri Sarawak mencatatkan 2,558 pemeriksaan. Daripada jumlah tersebut, 119 kes telah diambil tindakan yang melibatkan nilai rampasan sebanyak RM21.5 juta.

KPDN menyeru kerjasama para pengguna untuk menjadi mata dan telinga kepada pihak berkuasa dan menyalurkan maklumat-maklumat berhubung aktiviti penyelewengan, ketirisan, penyeludupan, manipulasi, penipuan dan kartel barang kawalan dan bersubsidi di lapangan untuk kesejahteraan pengguna. Orang ramai boleh menyalurkan maklumat berkenaan ke mana-mana cawangan KPDN berdekatan atau melalui saluran-saluran seperti berikut:

- i) Aplikasi WhatsApp ke 019-848 8000
- ii) Portal e-aduan@kpdn.gov.my;
- iii) Call centre 1 800 886 800;
- iv) Aplikasi telefon pintar Ez Adu KPDN

### **YB SENATOR DR. FUZIAH SALLEH**

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri  
dan Kos Sara Hidup

**###**